

Terma dan Syarat "Passport to Spectacular Leisure Campaign" UOBM

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") menganjurkan "**Passport to Spectacular Leisure Campaign**" ("**Kempen**") dari 1 Mei 2019 hingga 30 April 2020, termasuk kedua-dua tarikh atau tarikh lain yang ditentukan oleh UOBM pada budi bicara tunggalnya dari semasa ke semasa ("**Tempoh Kempen**").

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan semua pelanggan individu UOBM yang baru dan sedia ada ("**Pelanggan yang Layak**"):
 - 1.1 merupakan seorang rakyat Malaysia;
 - 1.2 berumur 18 tahun dan ke atas;
 - 1.3 merupakan pemegang akaun sah seperti berikut ("**Akaun Layak**"):
 - a) *ONE Account*;
 - b) *Stash Account*;
 - c) *ProSave Account-i*;
 - d) *Savings Plus Account*;
 - e) *eAccount*;
 - f) *i-Account*;
 - g) *Basic Savings Account*;
 - h) *Basic Current Account*; dan
 - i) *Passbook Savings Account*.
 - 1.4 pemegang akaun utama Akaun Layak (dalam kes akaun bersama);
 - 1.5 akaunnya dengan UOBM adalah semasa, wujud dan dalam kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM dengan budi bicara mutlakanya; dan
 - 1.6 yang tidak melanggar Terma dan Syarat Akaun dan Perkhidmatan Pimpinan (Perbankan Konvensional) dan Terma dan Syarat yang Memimpin Akaun dan Perkhidmatan Islam
2. Berikut adalah mereka yang tidak layak menyertai Kempen:
 - 2.1 Pelanggan *Private Banking* UOBM;
 - 2.2 Pelanggan *Privilege Banking* UOBM;
 - 2.3 Pelanggan *Wealth Banking* UOBM;
 - 2.4 pekerja tetap dan kontrak UOBM (termasuk anak syarikat UOBM dan syarikat berkaitan) ("**Pekerja**")
 - 2.5 pelanggan individu Akaun Layak dipegang bersama dengan Pekerja;
 - 2.6 pelanggan bukan individu UOBM; dan
 - 2.7 Akaun Layak yang dicagar, dicaj atau diletak di bawah kemudahan pinjaman.

Hadiah

3. Kategori-kategori Hadiah untuk Kempen ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Tempoh Penyertaan	Kategori Hadiah		
	Hadiah Utama	Hadiah Bulanan	Hadiah Saguhati Bulanan
1 Mei 2019 to 31 Julai 2019	1 Pemenang Hadiah x 2 tiket pulang dan penginapan 4 hari 3 malam di Hanoi, Vietnam [termasuk Sesi Fotografi 1 Hari, solek dan pakaian]	20 Pemenang Sebulan x RM300 Baucar Hadiah Lazada	100 Pemenang Sebulan x RM50 Pulangan Tunai
1 Ogos 2019 to 31 Oktober 2019	1 Pemenang Hadiah x 2 tiket pulang dan penginapan 4 hari 3 malam di Bangkok, Thailand [termasuk Sesi Fotografi 1 Hari, solek dan pakaian]	20 Pemenang Sebulan x RM300 Baucar Hadiah Lazada	100 Pemenang Sebulan x RM50 Pulangan Tunai
1 November 2019 to 31 Januari 2020	1 Pemenang Hadiah x 2 tiket pulang dan penginapan 4 hari 3 malam di Taipei, Taiwan [termasuk Sesi Fotografi 1 Hari, solek dan pakaian]	20 Pemenang Sebulan x RM300 Baucar Hadiah Lazada	100 Pemenang Sebulan x RM50 Pulangan Tunai
1 Februari 2020 to 30 April 2020	1 Pemenang Hadiah x 2 tiket pulang dan penginapan 4 hari 3 malam di Seoul, Korea [termasuk Sesi Fotografi 1 Hari, solek dan pakaian]	20 Pemenang Sebulan x RM300 Baucar Hadiah Lazada	100 Pemenang Sebulan x RM50 Pulangan Tunai
Jumlah Pemenang	4	240	1,200

Secara kolektif, Hadiah Utama, Hadiah Bulanan dan Hadiah Saguhati Bulanan akan dirujuk sebagai "Hadiah".

4. Setiap pemenang berhak memenangi maksimum satu (1) Hadiah Utama, satu (1) Hadiah Bulanan dan satu (1) Hadiah Saguhati Bulanan sepanjang Tempoh Kempen.

Kriteria Kelayakan

5. Untuk layak memenangi Hadiah, Pelanggan yang Layak mesti memperoleh penyertaan dengan melakukan transaksi berikut semasa Tempoh Kempen ("Penyertaan"):

Transaksi yang Diperlukan dalam Satu Bulan Kalendar	Penyertaan
Buka <i>ONE Account</i> atau <i>Stash Account</i>	50
Setiap RM500 baki purata bulanan dalam Akaun Layak	10
Setiap RM50 Perbelanjaan Kad Kredit UOB	10
Setiap RM10 Perbelanjaan Kad Debit UOB	10
Setiap satu (1) bil pembayaran melalui Perbankan Internet Peribadi UOB atau Mighty	10

"Buka *ONE Account* atau *Stash Account*" merujuk kepada *ONE Account* atau *Stash Account* baru di mana akaun dibuka dan telah diluluskan semasa Tempoh Kempen.

6. "Perbelanjaan" merujuk kepada transaksi pembelian untuk barangan dan perkhidmatan termasuk pembelian tempatan dan/atau luar negeri dengan UOB Debit Mastercard, UOB ONE Card, UOB Yolo Card, UOB Lady's Card (secara kolektif dirujuk sebagai "Kad yang Layak"). Perbelanjaan berikut dengan Kad yang Layak tidak termasuk:
 - 6.1 transaksi tunai separa, iaitu transaksi yang melibatkan pembayaran atau pemberian tunai - (contoh: pertaruhan dan/atau transaksi perjudian);
 - 6.2 ansuran bulanan di bawah sebarang kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh UOBM atau mana-mana bank lain;
 - 6.3 pembayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, bayaran penggantian kad, cukai, caj pertikaian, caj penipuan atau sebarang bayaran, caj atau penalti lain yang dikenakan oleh UOBM atau sebaliknya;
 - 6.4 pendahuluan tunai, transaksi pengeluaran atau deposit;
 - 6.5 transaksi yang layak untuk Kempen ini yang kemudiannya dibatalkan atau dikembalikan, dipertikaikan, tanpa kebenaran atau palsu; dan
 - 6.6 apa-apa Perbelanjaan Kad yang Layak yang tidak dikaitkan dalam sistem kepada Akaun Penyertaan sebagai akaun utama.

Proses Pemilihan Pemenang

7. Pelanggan yang Layak yang telah memperoleh Penyertaan hendaklah secara rawak disenarai pendek oleh sistem pemilihan automatik dari kumpulan penyertaan yang layak untuk menentukan pemenang Hadiah Utama, Hadiah Bulanan dan Hadiah Saguhati Bulanan.
8. Pada waktu senarai pendek dilakukan, Akaun Pelanggan yang Layak yang disenarai mestilah tidak tertunggak, tidak sah dan/atau tidak dibatalkan; jika tidak Pelanggan yang Layak akan hilang kelayakan.
9. **Pemenang Hadiah Utama**
 - 9.1 Pelanggan yang Layak yang telah disenarai pendek akan dihubungi oleh wakil UOBM dengan menggunakan nombor hubungan terkini Pelanggan yang Layak yang didapati dalam sistem UOBM pada bila-bila masa ketika waktu pejabat untuk menjawab satu (1) soalan. Panggilan akan dilakukan kepada Pelanggan yang Layak utama sahaja, yang mana berkenaan.
 - 9.2 Pelanggan yang Layak yang telah disenarai pendek akan dianggap sebagai pemenang jika beliau dapat menjawab soalan dengan betul ("**Pemenang**").
 - 9.3 Jika Pelanggan yang Layak yang telah disenarai pendek tidak dapat menjawab soalan dengan betul, Pelanggan yang Layak seterusnya dalam urutan akan disenarai pendek dan dihubungi untuk menjawab soalan.
 - 9.4 Sekiranya Pelanggan yang Layak yang telah disenarai pendek tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan pada hari yang sama untuk apa-apa sebab sekalipun dan/atau Pelanggan yang Layak yang telah disenarai pendek tersebut ingin menarik diri dari Kempen apabila dihubungi oleh wakil UOBM, beliau akan disingkirkan dari Kempen.
 - 9.5 Surat pengesahan akan dihantar kepada Pemenang di alamat surat-menyurat mereka yang direkodkan dalam sistem UOBM dalam tempoh sepuluh (10) minggu daripada berakhirnya Tempoh Kempen.

10. **Pemenang Hadiah Bulanan dan Hadiah Saguhati Bulanan**

- 10.1 Pelanggan yang Layak yang telah disenarai pendek akan menerima perkhidmatan pesanan ringkas ("SMS") dari UOBM pada nombor telefon bimbit mereka yang dikekalkan dalam rekod UOBM untuk menjawab satu (1) soalan dalam tarikh dan masa yang ditetapkan dalam SMS.
- 10.2 Pelanggan yang Layak yang telah disenarai pendek akan disahkan sebagai pemenang ("**Pemenang**") sekiranya pelanggan tersebut dapat menjawab SMS dengan jawapan yang betul dalam tarikh dan masa yang ditetapkan. Satu SMS pengesahan terakhir akan dihantar kepada Pemenang.
- 10.3 Jika Pelanggan yang Layak yang telah disenarai pendek gagal membalas SMS dalam tarikh dan masa yang ditetapkan atau jawapan yang diberikan adalah tidak betul, Pelanggan yang Layak dalam urutan akan disenarai pendek dan dihubungi untuk menjawab soalan.
- 10.4 Proses ini akan diulang selama tiga (3) kali dan imbalan hadiah yang tidak diberikan akan dibatalkan.

11. **Hadiah dan Pemenuhan**

- 11.1 Hadiah Saguhati Bulanan akan dikreditkan ke dalam Akaun Layak Pemenang dalam tempoh enam puluh (60) hari dari akhir Bulan Penyertaan.
- 11.2 Penunaian dan penghantaran Hadiah Utama dan Hadiah Bulanan akan disediakan dan disokong oleh agen yang dilantik ("**Agen yang Dilantik**").
- 11.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang bersetuju, mengizinkan dan membenarkan UOBM untuk memberi nama, alamat surat-menyurat dan nombor telefon Pemenang kepada Agen yang Dilantik untuk memenuhi penunaian Hadiah Utama dan Hadiah Bulanan.
- 11.4 Agen yang Dilantik akan mengatur penghantaran Hadiah Utama kepada alamat surat-menyurat Pemenang yang dikekalkan dalam rekod UOBM dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas UOBM memaklumkan kepada Pemenang mengenai kelayakan Hadiah menerusi surat pengesahan. Borang kurier yang ditandatangani akan menjadi bukti dan pengakuan penghantaran dan penerimaan Hadiah. Hadiah tidak akan dihantar ke alamat di luar Malaysia atau ke Peti Surat dan Hadiah juga tidak boleh diambil dari mana-mana cawangan UOBM.
- 11.5 Sekiranya UOBM tidak dapat membekalkan Hadiah akibat sebarang sebab, UOBM berhak untuk mengganti atau mengubah Hadiah dengan nilai yang sama pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya dengan memberikan notis terlebih dahulu.
- 11.6 Terma dan Syarat Agen yang Dilantik untuk mengurus Hadiah Utama dan Hadiah Bulanan akan dikenakan.

Terma dan Syarat Am

12. Pelanggan yang Layak bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat ini serta Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Konvensional) dan Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Islamik), dan Terma dan Syarat Kad yang Layak ("**secara kolektif, "Terma dan Syarat Produk Layak"**"). Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan Terma dan Syarat Produk Layak berhubung dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
13. Kempen ini tidak sah dengan kempen UOBM yang lain dan kadar istimewa, tambahan, keutamaan dan/atau hadiah lain tidak akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak sebagai tambahan kepada Hadiah.

14. Jika Akaun Layak Pemenang digantung atau ditutup sebelum penghantaran Hadiah, UOBM berhak untuk membatalkan Hadiah.
15. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang dianggap memberi kebenaran kepada UOBM untuk mendedahkan data peribadi dan gambar Pemenang untuk diterbitkan di mana-mana media massa atau bahan pemasaran untuk pengiklanan atau publisiti di mana-mana media massa atau bahan pemasaran untuk pengiklanan atau tujuan publisiti dalam apa jua cara yang dianggap perlu oleh UOBM.
16. Keputusan UOBM dalam semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini dan dalam hal yang dipertikai adalah muktamad dan mengikat Pelanggan yang Layak. UOBM tidak bertanggungjawab untuk memberi sebarang sebab atau melayan sebarang surat-menyurat dengan mana-mana orang mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah.
17. UOBM tidak bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kempen ini kecuali ia disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku sengaja oleh UOBM yang berkaitan dengan Kempen ini.
18. Semua simpanan dalam Akaun Layak oleh Pelanggan yang Layak menurut Kempen ini layak menerima perlindungan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit dan adalah tertakluk kepada terma dan syarat PIDM. UOBM adalah ahli PIDM.
19. UOBM berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat Kempen ini dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian mengikut budi bicara, dengan memberikan notis kepada Pelanggan yang Layak melalui pemaparan pada laman web UOBM, penampilan notis di mana-mana cawangan UOBM dan apa-apa cara lain yang mungkin ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa dan terma dan syarat yang dipinda itu akan mengatasi sebarang peruntukan atau perwakilan yang terkandung dalam bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini.
20. UOBM berhak pada budi bicara untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Kempen ini oleh UOBM tidak memberikan hak kepada Pelanggan yang Layak untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada ia diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan.

21. UOBM tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kegagalan yang berkaitan dengan Kempen ini kerana bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, keganasan, wabak, penguncian, tindakan perindustrian, atau apa-apa kejadian di luar kawalan yang munasabah daripada UOBM.
22. Terma dan syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mahkamah Malaysia akan mempunyai bidang kuasa yang tidak eksklusif terhadap semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini.

[TAMAT]